



---

## **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**24 DISEMBER 2021 (JUMAAT)**



---

---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)**

---

---

**24 DISEMBER 2021 (SABTU)**

# Jangan ambil kesempatan!

KPDNHEP beri amaran kepada peniaga jika naikkan harga barang atas ketika situasi banjir

KUALA LUMPUR

**K**ementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi amaran kepada peniaga bahawa tindakan akan diambil jika mereka mengambil kesempatan daripada situasi banjir ketika ini dengan menaikkan harga barangan asas.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, kementerian sentiasa mengawasi dan memantau harga barang terutama ketika musim banjir.

"Kami akan mengambil tindakan undang-undang jika mereka didapati berbuat demikian. Buat masa ini kami masih belum menerima apa-apa laporan kenaikan harga."

"Kami ada kaedah sendiri untuk menentukan sama ada peniaga tersebut



Nanta (tiga dari kanan) menyerahtakan sumbangan barang keperluan kepada Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Muhammad Nazri Hamzah ketika hadir program bantuan banjir KPDNHEP di SMK Alam Megah 2 Pusat Penempatan Sementara (PPS) Seksyen 28 pada Khamis.

menganggur skim harga atau sebaliknya. Terdapat beberapa kenaikan (harga) bagi barang tertentu tetapi semuanya berada dalam lingkungan had yang dibenarkan," katanya selepas majlis penyerahan bantuan kepada mangsa banjir di sini pada Khamis.

Beliau berkata, kementerian telah memperkenalkan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Krismas, yang berkuat kuasa bermula pada Khamis hingga 31 Disember.

Nanta berkata, kementerian akan terus mencari jalan bagi membantu mereka yang terkesan akibat banjir.

"Kami mempunyai banyak sumber sumbangan daripada kilang dan pasar raya. Malah ketika tiada bencana alam pun, kami masih boleh mengumpulkan bantuan."

"Kami akan gunakan bantuan itu sebagai sebahagian daripada program bank makanan bagi membantu mereka yang memerlukan barangan asas terutama makanan," katanya. - Bernama

## Ops Menu: 8 restoran dikompaun RM2,200

**KUALA NERUS** - Sebanyak lapan restoran yang diperiksa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Terengganu menerusi Ops Menu bermula 6 November lalu dikenakan tindakan kerana melakukan pelbagai kesalahan.

Exco Keusahawanan, Sumber Manusia, Industri Mikro Dan Hal Ehwal Pengguna, Mohd Nurkhuzaini Ab Rahman berkata, semua peniaga itu dikesan melakukan kesalahan mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 dan Akta Timbang dan Sukat (ATS) 1972.

Menurutnya, kesalahan itu dikesan melalui pemeriksaan yang dilakukan KPDNHEP terhadap 509 restoran dan kedai makan di Kuala Terengganu, Kemaman, Besut dan Dungun sehingga 21 Disember lalu.

"Daripada lapan restoran itu, enam peniaga di Kuala Terengganu dan Kemaman dikenakan tindakan di bawah AKHAP manakala dua lagi peniaga di Besut dan Dungun di bawah ATS dengan jumlah kompaun keseluruhan berjumlah RM2,200," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Pelancaran Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Krismas Tahun 2021 Peringkat Negeri Terengganu di Mydin Hypermarket Gong Badak di sini pada Khamis.

Hadir sama Pengarah KPDNHEP Terengganu, Saharuddin Mohd Kia.

SHMMP Krismas 2021 dikuatkuasakan sembilan hari bermula Khamis hingga 31 Disember melibatkan tiga barang keperluan iaitu ayam belanda import, daging kambing biri-biri import bertulang, lada bengala hijau dan disokong dengan 12 barang lain di bawah Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM).

Sementara itu, Mohd Nurkhuzaini berkata, seorang pemborong ayam di Kuala Terengganu dikompaun sebanyak RM1,000 pada 9 Disember lalu kerana menjual ayam melebihi harga ditetapkan.

Pemeriksaan dapati pihak terbabit jual ternakan terbabit melebihi harga siling

## Pemborong ayam dikompaun RM1,000

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

**KUALA NERUS** – Kedegilan sebuah syarikat pemborong ayam mematuhi Skim Harga Maksum Keluarga Malaysia (SHMKM) membawa padah selepas premis berkenaan dikenakan kompaun baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Keusahawanan, Sumber Manusia Industri Mikro dan Hal Ehwal Pengguna Terengganu, Mohd. Nurkhuzaini Ab. Rahman berkata, pemeriksaan mendapati, pemborong terbabit menjual ayam melebihi harga siling ditetapkan iaitu RM8 sekilogram.

"Pemborong di Kuala Terengganu itu didapati menjual ayam pada harga sehingga RM8.30 sekilogram pada 9 Disember lalu.



MOHD. NURKHUZAINI (dua dari kiri) ketika merasmikan SHMKM peringkat Terengganu di sebuah pasar raya besar di Gong Badak, Kuala Nerus semalam.

"Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Tereng-

ganu telah mengeluarkan kompaun RM1,000 kepada pemborong itu," katanya selepas

merasmikan Skim Harga Maksum Musim Perayaan (SHMMP) Krismas di sini semalam.

Dalam perkembangan sama, Mohd. Nurkhuzaini berkata, sebanyak lapan premis makanan di negeri ini telah dikompaun atas pelbagai kesalahan dalam Ops Menu yang berakhir Selasa lalu.


Jelasnya, antara kesalahan yang dilakukan ialah tidak memamerkan tanda harga dan menggunakan alat penimbang tidak ditentusahkan.

"Kesemua pengusaha restoran tersebut dikenakan kompaun mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencututan 2011 dan Akta Timbang dan Sukat 1972.

"Jumlah keseluruhan kompaun yang dikenakan berjumlah RM2,200. Pemantauan akan diteruskan sehingga kedua skim harga maksimum berakhir 31 Disember ini," katanya.

SUARA KONTEMPORARI  
**Kosmo!**

HARI : JUMAAT  
TARIKH : 24/12/2021  
M/SURAT : 16

 Senarai Harga Barang Keperluan	• Ayam <b>RM7.99</b>	• Telur Gred A. <b>RM12.60</b>	• Gula Pasir <b>RM2.85</b>	• Cili Merah <b>RM9.90</b>
	• Daging Lembu Tempatan <b>RM42.99</b>	• Ikan Kembung <b>RM18</b>	• Bawang Besar Holland <b>RM2.99</b>	• Kubis Tempatan <b>RM6</b>
	• Daging Lembu Import <b>RM28</b>	• Minyak Masak <b>RM6.60</b>	• Bawang Putih <b>RMS.90</b>	• Tepung Gandung <b>RM2.30</b>

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP